

Headline	KPKT salur peruntukan RM5 juta kepada MPS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,279
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,836



## KPKT salur peruntukan RM5 juta kepada MPS

**SEPANG** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk projek berskala kecil dan baik pulih infrastruktur di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang (MPS) antaranya baik pulih medan selera serta pembangunan kawasan pelancongan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, dalam taklimat bersama MPS, terdapat pembentangan untuk membina dan menaik taraf beberapa medan selera di Sepang serta keperluan menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur kawasan pelancongan di sekitar Sepang dalam usaha menarik kedatangan pelancong apabila pandemik Covid-19 reda.

“Ini memang fokus KPKT apabila turun padang kerana kita nak beri peruntukan bantu perniagaan tempatan memulakan perniagaan dan meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut,” katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke kawasan MPS dan Pangsapuri Kenanga, Putra Perdana, dekat sini pada Jumaat.

Yang Dipertua MPS, Datuk



Zuraida (kanan) ketika melawat Pangsapuri Kenanga, Putra Perdana sempena lawatan kerja ke MPS pada Jumaat.

Abd Hamid Hussain yang turut hadir berkata, menerusi peruntukan RM5 juta itu, MPS bercadang untuk membina medan selera baharu di Pusat Penjaja, Taman Mas Puchong yang menelan kos RM1.5 juta.

Selain itu, ia juga akan digunakan untuk membaik pulih medan selera di Pantai Bagan Lalang yang terbakar Isnin lalu dan membaik pulih pasar awam yang rosak dilanda ribut pada 7 Mac lalu.

Mengenai lawatannya ke Pangsapuri Kenanga itu, Zurai-

da berkata, KPKT bersetuju untuk meluluskan peruntukan RM1.5 juta bagi kerja-kerja mengecat 16 blok bangunan di kawasan perumahan itu.

“Lokasi pangsapuri ini terletak bersebelahan lebuhraya, jadi imej bangunan ini mestilah nampak cantik,” katanya.

Beliau berkata, KPKT juga bersetuju meluluskan peruntukan RM600,000 di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia membaik pulih jalan berlubang di sekitar pangsapuri tersebut. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA